

# Bangsawan *Legenda Dayang Bunting* di UPM malam ini

PELAJAR kursus BBK3305 Kesusasteraan Rakyat Melayu Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang akan mengadakan sebuah pementasan bangsawan *Legenda Dayang Bunting* sempena Malam Tradisi Sastera Rakyat (MTSR).

Pementasan diadakan pada malam ini pukul 8 malam di Panggung Percubaan, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Abdul Aziz Shah, UPM.

Bangsawan ini diadaptasi daripada kisah legenda mengenai Tasik Dayang Bunting di Langkawi yang ceritanya semakin hilang daripada pengetahuan masyarakat terutamanya generasi muda.

Menurut pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, Hajah Halimah Hassan, MTSR ini diusahakan bagi memenuhi keperluan kursus bagi mendedahkan kepada para pelajar secara tuntas sebahagian daripada ciri kesusasteraan rakyat Melayu di Malaysia.

Menurut beliau lagi, melalui program ini

mahasiswa diharapkan dapat mempelajari, menghayati, dan memahami sastera rakyat Melayu sebagai salah satu ilmu, dan pemerksaan seni serta budaya bangsa seterusnya dimanfaatkan kepada diri dan masyarakat umum dalam pendekatan yang menyeronokkan.

Kisah *Legenda Dayang Bunting* ini bermula apabila Datuk Kumajaya dititahkan ke Langkapuri bersama isterinya, Cik Mahora dan anaknya, Dayang Sari untuk menjadi ketua di sana.

Dayang Sari merupakan anak yang sangat taat dan berakhlak, telah berguru dengan seorang juragan iaitu Nakhoda Malim. Datuk Kumajaya telah menuduh Nakhoda Malim membuat hubungan sulit dengan anaknya dengan menjatuhkan hukuman pasung.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai pementasan ini boleh dihubungi Muhammad Faiz Abdul Razak di talian **019-2733087**.



**NOOR Shila (kiri) dan Siti Noor Fatimah antara pelakon bangsawan *Legenda Dayang Bunting* semasa mengadakan latihan di UPM baru-baru ini.**